

04 MAY 1996

LEAD Mahathir-jawatan

SEMUA BAHAGIAN MESTI CALONKAN MAHATHIR DAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Semua bahagian Umno hanya boleh mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden untuk pemilihan parti Oktober ini.

Dr Mahathir berkata keputusan itu dibuat oleh Majlis Tertinggi hari ini selaras dengan ketetapan Perhimpunan Agung Umno tahun lepas bahawa kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Menurutnya, mesyuarat itu telah menyemak resolusi perhimpunan agung itu dan mendapati Majlis Tertinggi tidak berhak membuat keputusan bertentangan.

"Dengan itu, tidak perlu pendaftaran bagi calon Presiden dan Timbalan Presiden...tetapi bahagian-bahagian masih perlu membuat pencalonan," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Keputusan itu bermakna Dr Mahathir dan Anwar masing-masing mengekalkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden untuk tempoh tiga tahun lagi.

Jika ada pencalonan lain, ia dengan sendirinya terbatal, kata Perdana Menteri.

Majlis Tertinggi, pada mesyuarat yang lepas, telah menetapkan supaya semua bakal calon termasuk bagi jawatan presiden dan timbalan presiden perlu mendaftar.

Dr Mahathir mengulangi bahawa keputusan MT itu konsisten dengan perlembagaan Umno memandangkan MT boleh membuat peraturan-peraturan jika tiada perhimpunan agung parti.

Bagaimanapun, beliau berkata oleh kerana perhimpunan agung lepas membuat keputusan jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan, MT tidak boleh membuat keputusan yang bertentangan dengan keputusan berkenaan.

"Kita dah semak balik keputusan perhimpunan agung lepas dan keputusan yang dibuat itu adalah yang tertinggi dan MT tidak ada hak membuat keputusan lain yang bertentangan dengannya," kata Dr Mahathir.

Bila ditanya adakah itu akan menghalang demokrasi, Dr Mahathir berkata: "Keputusan perhimpunan agung lepas dibuat mengikut lunas-lunas demokrasi."

Beliau juga berkata keputusan hari ini juga bermakna 10 undi akar umbi bagi setiap pencalonan untuk jawatan presiden dan timbalan presiden secara automatik tidak timbul sebab tiada pertandingan .

Dr Mahathir juga berkata MT turut membuat keputusan menunda tarikh mula berkempen dari 1 Julai kepada 1 Ogos.

Katanya ini bertujuan menghalang mesyuarat bahagian daripada dipergunakan oleh calon-calon untuk mendapatkan sokongan.

Selaras dengan keputusan itu, persidangan perwakilan bahagian hanya boleh dirasmikan oleh ketua bahagian masing-masing, katanya.

"Kurangkan politik. Ketua Bahagian hanya boleh berkempen di bahagian masing-masing seperti saya boleh berkempen di Kubang Pasu," katanya.

Beliau juga berkata etika pemilihan sedang dirangka tetapi Dr Mahathir mengingatkan calon-calon jangan keterlaluan berkempen.

Katanya jawatankuasa pengurusan Umno akan mengadakan perbincangan untuk merangka etika itu tidak lama lagi.

"Tidak perlu ada serangan peribadi semasa berkempen. Biarlah perwakilan membuat pemilihan berdasarkan kebaikan calon," katanya.

Beliau juga mengingatkan bakal calon tidak harus membuat sebarang kenyataan semasa membuat pendaftaran.

Presiden Umno itu juga berkata mereka yang berkedudukan dan mempunyai

jawatan dalam kerajaan atau parti jangan menggunakan kedudukan itu untuk membuat sebarang kenyataan yang berbentuk kempen.

Mengenai pendirian Umno berhubung pergolakan politik di Kelantan, Dr Mahathir berkata MT sudah menerima laporan mengenai kedudukan sebenar di sana.

Bagaimanapun, katanya, MT tidak membuat sebarang keputusan mengenainya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, kemudian mempengerusikan mesyuarat badan itu di Bangunan Umno, PWTC. --
BERNAMA

TEAM AKD